

Dr. M: Kuasa mengampun Datuk Harun terletak kepada Seri Paduka

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kuasa memberi pengampunan kepada bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Harun Idris adalah terletak kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

"Hak mutlak memberi pengampunan terletak di atas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong," katanya ketika diminta memberi penjelasan mengenai berita tersiar di akhbar-akhbar tempatan menyebut Datuk Harun akan dibebaskan menjelang perayaan 25 tahun

kemerdekaan.

Ditanya sama ada beliau telah diberitahu atau berunding mengenai Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Belum lagi."

"Saya tidak mempunyai hak untuk memberi pengampunan dan saya tidak tahu sama ada betul atau tidak melainkan saya dapat membaca apa yang difikirkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai berita mengenai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Datuk Mokhtar Hashim yang dinasihatkan

supaya meletakkan jawatan.

"Saya tidak tahu mengenainya. Saya hanya membacanya menerusi akhbar," ujarnya.

Datuk Mokhtar kini menunggu hari perbicaraan kerana terlibat dalam kes pembunuhan.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, perhimpunan Agung UMNO bulan depan akan membincangkan perkara-perkara umum.

"Saya berpendapat, persidangan nanti akan menyentuh tentang pentadbiran dan cara kerajaan baru," jelasnya.

Beliau tidak menyebut isu lain yang akan diberi perhatian.

No. Siri 2951

No. Penerbitan 696/55